



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

PERHIMPUNAN KORPORAT BANDARAYA BIL.2/2023

TARIKH / MASA / TEMPAT

26 JUN 2023 (ISNIN)

8.45 PAGI

**TAPAK PERHIMPUNAN KORPORAT
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat limpah kurnia-Nya telah mengizinkan kita bersama-sama hadir dalam Majlis Perhimpunan Korporat Bandaraya Siri 2 / 2023 pada pagi ini. Terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan serta semua Pemimpin-Pemimpin Persatuan MBSP, Kakitangan MBSP dan Wira-Wira Oren yang saya kasihi. Kehadiran Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua amatlah saya hargai.

1. Alhamdulillah setelah diaudit dua hari iaitu pada 8 dan 9 Jun 2023 oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd bagi Pensijilan Sistem Pengurusan Pematuhan iaitu ISO 37301:2021 (CMS) kita telah disahkan berjaya untuk mendapat Pensijilan ini pada 9 Jun 2023 tanpa sebarang ketidakpatuhan. MBSP merupakan organisasi pertama di Malaysia yang mendapat Pensijilan Sistem Pengurusan ISO . Oleh itu untuk kali ini, kita telah mempunyai lapan (8) pensijilan dan satu Pensijilan 5s yang membawa kepada Sembilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti.

2. Tahniah dan syabas kepada Pengurus Kualiti, Tuan Setiausaha Bandaraya , Bahagian Kualiti Jabatan Korporat, Pengerusi Penilaian Pematuhan Jabatan Undang-Undang, Jabatan Audit Dalaman khususnya dan kepada semua jabatan-jabatan yang terlibat dalam pengauditan ini. Terima kasih kepada semua Ketua Jabatan dan kakitangan yang tidak lokek memberikan komitmen yang tidak putus-putus pada tiap kali audit dijalankan.
3. Nasihat saya: Pensijilan bukan keutamaan kita. Sebagai sebuah PBT, yang juga mengguna pakai Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA), kita harus berpegang kepada *Total Quality Management* yang berorientasikan pelanggan. Sebenarnya semua pensijilan ini adalah untuk membantu kita dalam memberikan garis panduan yang jelas dan telus bagi melaksanakan kerja dengan Amanah, Betul dan Cepat (ABC).
4. MBSP telah menerima 1 *Certificate of Patent Grant bagi adjustable grating* dan 3 *certificate of Utility Innovation* daripada Perbadanan Harta Intelek MyIPO bagi
 1. *Water Level Monitoring System*
 2. *Floatable Rubbish Trapper*
 3. *Grease Trap*

Kesemua paten dan *utility innovation* ini adalah permohonan yang ditulis sendiri secara teknikal tanpa kos khidmat perunding khas paten. Paten ini juga adalah hasil inovasi yang telah dimenangi:

1. *Water Level Monitoring System (SPARK)*- Juara KIK 2017
2. *Adjustable Grating* - Naib Juara KIK 2019
3. *Grease Trap* - tempat Ke-3 AIKNPP 2020
4. *Floatable Rubbish Trapper -Innovation Blast 2020*

Tahniah kepada Jabatan Kejuruteraan atas pencapaian ini.

5. Pada 14 dan 15 Jun 2023 yang lepas, Tuan Ts Hj Mohamad Nasran bin Nasehir Khan, Penolong Pengarah, Kejuruteraan dan Puan Anis Shazreen binti Azmi, Penolong Pengarah, Perancang Bandar telah menghadiri *Global Covenant Of Mayors For Climate & Energy (GCoM) National Workshop* yang dianjurkan oleh di Kuala Lumpur. Semasa program tersebut, MBSP juga telah dianugerahkan *Mitigation and Adaptation badge* atas komitmen terhadap isu berkaitan perubahan iklim dan penyesuaian di bawah *Global Covenant of Mayors (GCoM)* bersama dengan 5 bandar lain lagi di Malaysia iaitu Tawau, Kuala Lumpur, Iskandar Region, Hang Tuah Jaya dan Muar.
6. MBSP juga telah menduduki tempat pertama (Kategori A) Kempen Hari Tanpa Tunai bagi Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Pulau

Pinang anjuran Bahagian Kerajaan Tempatan dan *Payment Network* Malaysia dengan membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM70,000.00. Tahniah kepada Jabatan Perbendaharaan dan Jabatan Khidmat Pengurusan.

7. MBSP juga telah memenangi tempat ke dua bagi kategori gerai tercantik sempena Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani Negeri Pulau Pinang pada 26 Mei 2023 sempena Majlis Pehimpunan Anggota Perkhidmatan Awam bersama Ketua Menteri Pulau Pinang. Tahniah Puspanita dan semua jabatan yang terlibat.
8. MBSP juga telah memenangi tempat ke tiga Anugerah Pertandingan Inovasi MALA 2.0 Piala YB Menteri KP KT inovasi yang dikategori adalah “*Revitalising Green Corridor A Radical Intervention*” Lingkaran Bougenvilla pada 12 Mac 2023. Tahniah kepada Jabatan Lanskap.
9. MBSP juga telah berjaya mengekalkan penarafan 5 bintang dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2022. Pengiktirafan ini diberikan oleh KP KT dan telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri KP KT pada 12 Mac 2023 di Ipoh Perak.
10. MBSP juga telah berjaya merangkul Anugerah Bandar Mampan dan Anugerah Bandar Bahagia yang dianjurkan oleh KP KT dan anugerah itu telah disampaikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang kepada MBSP melalui Mesyuarat Perancang Negeri pada 28 Februari 2023.

11. Pada 17 Jun 2023 baru-baru ini telah diadakan Mesyuarat MBJ.

Alhamdulillah banyak isu-isu dan perkara-perkara baru yang telah diketengahkan oleh ANULAE untuk kebaikan semua. Antara perkara yang telah diputuskan:

- i. Pemberian kain baju korporat (batik) secara *one off* kepada semua kakitangan Majlis.
- ii. Pembelian kipas angin jenis *portable / air cooler* untuk kegunaan semasa Perhimpunan Korporat dan lain-lain program yang diadakan.
- iii. Mengadakan Majlis Penyerahan Surat Kenaikan kepada kakitangan bagi memberi semangat kepada staf yang lain. Pada hari ini akan diadakan sesi Penyerahan Surat Tawaran Kenaikan Pangkat - Khas Untuk Penyandang (KUP) bagi memberi inspirasi dan pencetus semangat kepada seluruh warga MBSP agar meningkatkan mutu, kualiti dan berdaya saing dalam perkhidmatan awam. Tambahan itu, Kenaikan Pangkat Khas Untuk Penyandang adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2017 dimana antara syarat yang memperuntukkan ialah telah berkhidmat selama 13 tahun dan lebih dalam skim perhidmatan. Tahniah diucapkan kepada semua yang akan diumumkan sebentar lagi.

- iv. Mewujudkan Anugerah Bakti Setia peringkat majlis kepada kakitangan yang berkhidmat dengan MBSP selama 25 tahun ke atas.
12. Sejak kebelakangan ini etika berpakaian ke pejabat oleh pegawai-pegawai MBSP baik di Ibu Pejabat atau di pejabat cawangan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Seperti tuan/puan sedia maklum cara berpakaian melambangkan keperibadian penjawat awam serta nilai-nilai etika yang murni. Begitu juga dengan sesiapa yang bertugas di lapangan. Saya ingin menegaskan supaya Bahagian Integriti boleh mengenakan tindakan bagi memastikan kakitangan MBSP mematuhi peraturan ini.
13. Promosi SPICEC- Pada 4 dan 5 Oktober 2023 ini akan diadakan *Seberang Perai International Conference On Eco Tourism* (SPICEC) dengan tema “*The Power and Aspiration Of Rivers*”. Saya berharap semua warga MBSP dapat membantu mempromosikan dan menjayakan program ini.
14. Pada hari ini akan diadakan audit AIGA- Anugerah Integriti, *Governans Dan Antirasuah* yang dianjurkan oleh Institut Integriti Malaysia. Satu anugerah berprestij yang memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada sektor awam dan swasta yang menzahirkan komitmen dalam pembudayaan serta amalan integriti,

tadbir urus terbaik serta inisiatif antirasuah dalam organisasi. Ianya menekankan kepada kejayaan sesebuah organisasi dalam melaksana aspek pengurusan integriti yang konsisten dan efisien. Dalam hal ini saya inginkan agar semua Ketua Jabatan memberikan komitmen yang sangat tinggi untuk memastikan pematuhan perundangan atau peraturan diberikan keutamaan dalam melaksana kerja masing-masing sama ada di pejabat maupun di tapak.

Kerana itulah saya menekankan kepada prinsip Amanah, Betul dan Cepat agar ianya sentiasa diikuti dan patuhi. Harapan saya kita akan berjaya dalam pengauditan pada hari ini dan akan mara ke peringkat seterusnya. Jika tahun lepas kita berjaya mendapat *Gold Award*, pada tahun ini kita mengharapkan akan dipilih sebagai Organisasi Unggul dengan mendapat *Platinum Award* bagi membuktikan kesungguhan kita dalam memartabatkan integriti di semua peringkat pengurusan dan pentadbiran. In Sha Allah, di mana ada kemahuan, di situ kita usahakan dengan penuh kesungguhan.

15. Sekali lagi pada tahun ini MBSP melalui PERMAI akan menganjurkan Ibadah Korban pada 30 Jun 2023 mulai jam 7.00 pagi di Rumah Sembelih Persendirian Kampung Guar Kepayang. Saya dimaklumkan sebanyak 21 ekor kambing yang akan dikorbankan. Insya-Allah, seramai 100 orang kakitangan MBSP yang terpilih akan diraikan

dengan pemberian beras dan daging qurban. Daging qurban akan diagihkan kepada Warga MBSP yang hadir bertugas di Menara Bandaraya pada hari tersebut.

16. Akhir kata, marilah kita bekerja dalam satu pasukan yang harmoni dan saya berharap agar kita bersama-sama dapat memacu MBSP ke arah yang lebih cemerlang.
17. Selamat Menyambut Hari Raya Aidiladha dan menjalani Ibadah Korban bagi semua umat islam . Kepada kakitangan yang telah pergi menunaikan haji, saya, Ahli Majlis dan Warga MBSP mengucapkan Selamat Menunaikan Ibadah Haji dan semoga mereka mendapat Haji yang mabrur.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***